

21 AUG 2000

KAMAL ARIFFIN JUARAI DEKLAMASI PUISI LANGKAWI

LANGKAWI, 21 Ogos (Bernama) -- Seorang guru Kamal Ariffin Hamid mengalahkan 11 peserta lain untuk muncul juara sayembara deklamasi puisi peringkat negeri Kedah di sini, malam tadi.

Kamal Ariffin memenangi hadiah RM800 dan piala pusingan melalui pendeklamasian puisi karya Hassan Baseri Budiman bertajuk "Anak Warisan Merdeka". Beliau akan mewakili Kedah pada sayembara peringkat kebangsaan akhir bulan ini.

Beliau merupakan johan menanti sayembara tahun lepas.

Tempat kedua disandang Ahmad Sukri Ismail dengan puisi "Mentera Anak Wawasan" karya Borhan Md Zain manakala ketiga ialah Norlida Mohamad dengan puisi yang sama.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Usahawan Kedah, Prof Datuk Dr Osman Ishak ketika merasmikan sayembara itu di Dataran Lang, berkata peranan puisi amat besar untuk meniupkan semangat anak tempatan bagi menuntut kemerdekaan.

Beliau berkata sebagai contoh sajak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertajuk "Perjuangan Yang Belum Selesai" memberi tafsiran yang luas mengenai usaha untuk memartabatkan bangsa.

-- BERNAMA

HM AKD